

Kes saman Mujahid terhadap Harakah berhubung isu Sajat bertelekung selesai

BERNAMA



Datuk Seri Dr Mujahid Yusof

Kuala Lumpur: Kes saman fitnah difailkan Datuk Seri Dr Mujahid Yusof terhadap Harakah berhubung isu usahawan kosmetik Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau Sajat yang didakwa memakai telekung dan berpakaian seperti wanita sewaktu menunaikan umrah, selesai melalui proses mediasi.

Perkara itu dimaklumkan peguam Noorazmir Zakaria yang mewakili Mujahid ketika dihubungi Bernama, selepas prosiding secara dalam talian (Zoom) di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Zulqarnain Hassan hari ini.

"Mahkamah hari ini telah merekodkan penghakiman persetujuan kedua-dua belah pihak untuk kes diselesaikan.

"Antara penyelesaian kes itu ialah defendan pertama (wartawan Harakah Aziz Muda) akan mengemukakan permohonan maaf secara bertulis kepada Datuk Seri Mujahid di akhbar Harakah, dan menarik balik artikelnya bertajuk 'Sajat: Mujahid dan K'jaan PH patut dipersalahkan dan 'Keterlanjuran Sajat kesilapan Mujahid dan kerajaan PH,'" kata peguam itu.

Namun, Noorazmir berkata terma-terma penyelesaian lain yang terkandung di dalam penghakiman persetujuan itu tidak dapat didedahkan.

Perbicaraan kes itu ditetapkan pada 30 Ogos lalu, namun sebelum prosiding bermula mahkamah menyarankan supaya kes saman itu diselesaikan secara baik menerusi proses mediasi.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu yang memfailkan saman pada 12 Ogos tahun lalu, menamakan Aziz, Ketua Pengarang Harakah Wan Nordin Wan Yaacob, penerbit laman sesawang harakahdaily serta akhbar Harakah iaitu Galeri Media Serbanika Sdn Bhd dan pencetak akhbar itu Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd sebagai

Trending



[Tolong kesan waris kanak-kanak ini](#)



[Mak Long tak sahut panggilan](#)



['Terima kasih adik... jadi wali kakak'](#)



['Saya ada berkenan, tapi dia tak minat saya'](#)



[4 abang rogol adik ditahan polis](#)

Mutakhir




[Lesap hampir RM100,000](#)




['Banjir temenung' rungsingkan penduduk](#)




[Jumlah mangsa banjir di Kedah menurun](#)



[22 juta populasi dewasa Malaysia lengkap vaksin](#)



[Wanita pecah rumah kena cekup](#)



[Tolong kesan waris kanak-kanak ini](#)


MyResipi



[Cara Masak Nasi Sihat Tanpa Kanji, Elok Untuk Diabetes & Banyak Lagi Kelebihan Lain](#)



[Tip Pilih Pes Tom Yam Paling Sedap & Pekat, Nampak Sama Tapi Rasa Lain-Lain](#)



[Petua Simpan Taugeh Supaya Tahan Lama, Dah Berminggu Pun Kekal](#)

defendan.

Dalam pernyataan tuntutanannya Mujahid mendakwa pada 7 Februari tahun lalu, Aziz, Wan Nordin dan Galeri Media menulis dan menerbitkan kenyataan memfitnah terhadapnya di laman sesawang harakahdaily menerusi artikel bertajuk 'Sajat: Mujahid dan K'jaan PH patut dipersalahkan' serta menerbitkan satu lagi kenyataan yang memfitnah beliau dalam akhbar Harakah bertarikh 10 hingga 13 Februari menerusi artikel 'Keterlanjuran Sajat kesilapan Mujahid dan kerajaan PH'.

Mujahid selaku plaintif mendakwa kata-kata fitnah itu antara lain membawa maksud bahawa beliau seorang yang tidak bertanggungjawab apabila membenarkan masyarakat, khususnya yang beragama Islam, terbabit dalam aktiviti 'Lesbian Gay Bisexual Transsexual (LGBT)' selain didakwa menjadi punca kepada tindakan Sajat memakai telekung serta berpakaian seperti wanita, sewaktu menunaikan umrah.

Ahli Parlimen Parit Buntar itu juga mendakwa kenyataan fitnah itu menjatuhkan maruah, kredibiliti serta reputasinya selaku menteri yang menjaga hal ehwal agama di Jabatan Perdana Menteri, dan akibat daripada penyebaran kata-kata fitnah tersebut, beliau mengalami tekanan serta berasa malu untuk berhadapan dengan masyarakat.

Sementara itu, kesemua defendan menerusi pernyataan pembelaan difailkan pada 28 September tahun lalu berkata, Mujahid seharusnya berani bertanggungjawab berhubung kenyataan yang dikeluarkan beliau, dan sepatutnya tidak tersinggung dengan kritikan yang dilontarkan masyarakat terutama pengamal media berhubung isu berkenaan.

Disiarkan pada: September 20, 2021 @ 5:51pm

Artikel Berkaitan

MUTAKHIR

Kes Najib saman Harakah 7 Oktober



MUTAKHIR


Kes saman Mohamed Apandi, Tun M bicara tahun depan

MUTAKHIR

Kes saman Anwar diselesai secara baik

MUTAKHIR

Mahkamah: 7 hari dengar kes saman isu 1MDB



Segar & Tak Hitam



Resipi Ayam Goreng Berempah Kesukaan Anak-Anak, Isi 'Juicy' Kalah Kedai Mamak



Cara Buat Sira Roti, Resipi Legend Turun-Temurun. Makan Sejuk-Sejuk Sedap Sangat!

OhBulan




Nikah Di Bali, Miller Khan Sah Bergelar Suami Farina Rebecca




Pernah Viral Dakwa Guru Buat Lawak Lucah, Ain Husniza Gembira Dah Pindah...



[VIDEO] Kantoi Tak Balik Rumah, Isteri 'Tangkap' Suami Dengan Kawan Sekerja...



[VIDEO] Homestay Tak Sediakan Seterika, Suami Gigih 'Gosok' Tudung Isteri Guna...




Tetap Bayar Hutang Walau Hanya Mampu RM7, Lelaki Ini Terharu Dengan Penghutang...

SirapLimau



Pusing KL Naik KL Hop On Hop Off, Berbaloi 2 Jam Menikmati Keindahan Kuala...



Cara Edit Hilangkan Objek & Orang Yang Tak Diingini Dalam Gambar, Mudah Je!



Filem 'Doctor' Ketengahankan Isu Serius Tapi Santai. Penat Asyik Gelak!



Diserang Monyet Liar Di Kawasan Resort Sampai Jatuh Tersembam & Anak Luka...



Anak Nombor 2 Paling Banyak Buat Mak Ayah Mengucap!